

R GB 01-12 00166 BA479

aab

Mahathir - Palestin

MALAYSIA MINTA ISRAEL BERSIKAP JUJUR DEMI KEAMANAN

I

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Malaysia hari ini menggesa Israel supaya menunjukkan kejujurannya bagi memastikan kejayaan rundingan damai sekarang dengan Palestin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan sedemikian perlu diambil memandangkan terdapat beberapa cabaran dan halangan sebelum satu penyelesaian yang muktamad dan menyeluruh dapat dicapai daripada perjanjian damai antara Palestin dan Israel.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perjanjian damai yang ditandatangani pada 13 Sept itu merupakan satu perkembangan positif bagi membuka jalan kepada penyelesaian menyeluruh berhubung isu Palestin dan konflik Arab-Israel.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini bagi memperingati Hari Perpaduan Antarabangsa Dengan Rakyat Palestin dalam perjuangan mereka menuntut keadilan dan mendapatkan hak terhadap tanahair mereka pada Isnin lepas.

"Kami juga ingin menyeru negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain supaya menimbang menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin bagi memastikan kejayaan proses itu." -- Lagi.

▼01/12/17-55MST

U GB 01-12 00148 BA491

aab

Mahathir - Palestin 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau mengulangi sokongan Malaysia kepada rakyat Palestin berhubung perjuangan mereka untuk mendapatkan hak kewarganegaraan dan keadilan serta berharap mereka berjaya dalam usaha membina semula serta membangunkan negara.

"Sebagai tanda sokongannya kepada proses keamanan, Malaysia telah memberi sumbangan kewangan yang sederhana kepada rakyat Palestin bagi membantu mereka dalam tugas baru itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, seperti kebanyakan negara-negara anggota PBB yang lain, Malaysia menyambut baik pengiktirafan bersama serta perjanjian damai Palestin-Israel.

Katanya, isu Palestin dan persoalan keadilan dan keamanan menyeluruh di Asia Barat sentiasa menjadi tajuk utama agenda PBB dan forum antarabangsa yang lain.

"Selagi rakyat Palestin terus dinafikan hak kewarganegaraan mereka dan tertakluk kepada penindasan politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat antarabangsa untuk mendapatkan keadilan bagi rakyat Palestin," katanya. -- Bernama

JO ZU NMO

▼01/12/19-03MST